



DR Daing Nasir (duduk kiri) menanam pokok ru.

## Tanam semula pokok

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dalam usaha memupuk kesedaran kepada pelajar terhadap pentingnya aktiviti menanam semula pokok.

Kerjasama itu diharap memberikan peluang kepada penganjur program menanam pokok sebagai usaha membantu kerajaan menjayakan kempen meng-hijaukan bumi.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, golongan pelajar perlu sentiasa dide-dahkan maklumat berkaitan tumbuhan terutama mem-babitkan beberapa spesies pokok dalam usaha menjaga alam sekitar.

“Saya bercadang menga-dakan program penanaman pokok secara kerjasama de-ngan JPNP secara berterusan setiap tahun sebagai bukti

sokongan kepada usaha meng-hijaukan bumi seperti dicadangkan kerajaan.

“Menerusnya, pelajar UMP berpeluang menanam pokok kerana tidak ramai ter-babit dengan aktiviti ber-kenaan terutama mereka yang tinggal di bandar ter-masuk pelajar antarabang-sa,” katanya ketika berucap pada program Kempen Kes-edaran Tanaman Persisiran Pantai kerjasama JPNP di Kampung Sepat, di sini, kel-marin.

Turut hadir, Timbalan Pe-ngarah Pembangunan Dua JPNP Azmeer Mohamad.

Program berkenaan diser-tai lebih 1,000 pelajar baru UMP Kampus Gambang, di sini, dan Kampus Pekan yang mendaftar minggu la-lu.

Sempena program kali pertama diadakan itu, pe-lajar turut diberikan peluang menanam lebih 1,000 pokok ru.